



**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**SYARAT DAN KRITERIA KELAYAKAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING**

**SEKTOR PERLADANGAN**

*Agenzi Kawal Selia  
Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)*

**SYARAT UTAMA:**

1. Mempunyai lesen operasi yang sah mengikut jenis tanaman; dan
2. Mempunyai keluasan ladang yang bersesuaian mengikut nisbah keluasan tanah kepada pekerja.

**Dokumen yang diperlukan bagi memenuhi syarat utama:**

1. Lesen operasi/ sijil/ surat yang sah (mana yang berkaitan):
  - Tanaman sawit – Lesen Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
  - Tanaman getah – Lesen Lembaga Getah Malaysia (LGM) atau kad Permit Autoriti Transaksi-Getah (PAT-G)
  - Tanaman koko – Lesen/ Sijil Lembaga Koko Malaysia (LKM)
  - Tanaman lada – Lesen/ Sijil Lembaga Lada Malaysia (MPB)
  - Ladang hutan – Lesen/ Surat kelulusan Jabatan Perhutanan Malaysia
2. Maklumat tanah yang diusahakan:
  - Bagi yang mengusahakan **tanah sendiri**: Geran tanah asal berserta salinan geran tanah yang disahkan (cop diakui sah tidak melebihi tempoh 1 tahun) oleh Pejabat Tanah dan Galian;
  - Bagi yang mengusahakan **tanah milik Kerajaan/ Persendirian/ Syarikat/ Individu lain**: Perjanjian sewa pajak (tempoh sewa pajak melebihi 3 tahun & perjanjian disetemkan hasil) berserta salinan geran pemilik tanah yang disahkan oleh Pejabat Tanah dan Galian (cop diakui sah tidak melebihi tempoh 1 tahun) atau Sijil Carian Rasmi tahun terkini;

- Bagi yang mengusahakan **tanah milik ibu bapa/ adik beradik**: Surat kebenaran untuk mengusahakan tanah tersebut dengan akuan sumpah dan sijil kelahiran ibu bapa/ adik beradik;
  - Bagi yang mengusahakan **tanah milik pasangan**: Surat kebenaran untuk mengusahakan tanah tersebut dengan akuan sumpah dan sijil nikah.
3. Penyata ringkasan lot tanah;
  4. Surat pengesahan syarikat induk kepada anak syarikat; dan
  5. Lain-lain dokumen yang berkaitan

**KRITERIA KELAYAKAN:**

SUB-SEKTOR KOMODITI	SPESIES	NISBAH KELUASAN TANAH KEPADA PEKERJA
Kelapa sawit	Kelapa sawit	8 hektar: 1 orang
Getah	Getah ( <i>Hevea brasiliensis</i> )	4 hektar: 1 orang
Ladang hutan	(i) Acacia spp. (Acacis hybrid) (ii) African mahagony ( <i>Khaya ivorensis</i> / <i>Khaya senegalensis</i> ) (iii) Jati/ Teak ( <i>Tectona grandis</i> ) (iv) Sentang ( <i>Azadirachta excelsa</i> ) (v) Kelempayan/ Laran (vi) Batai ( <i>Paraserianthes falcataria</i> ) (vii) Binuang ( <i>Octomeles sumatrana</i> ) (viii) Eucalyptus spp. (ix) Getah ( <i>Hevea brasiliensis</i> ) (x) Buluh ( <i>Bambusoideae</i> ) (xi) Paulownia spp.	8 hektar: 1 orang (kecuali spesies Getah dan Buluh 4 hektar: 1 orang)
Koko	Koko	3.6 hektar: 1 orang
Lada	(i) Lada hitam (ii) Lada putih	2 hektar: 1 orang
Tembakau	Tembakau	0.5 hektar: 1 orang

Kenaf	Kenaf	0.5 hektar: 1 orang
Tapak semaian/nurseri	Semua jenis tanaman komoditi	0.75 hektar : 1 orang

\* Maklumat dikemaskini pada 18 Oktober 2024